



## **Isu Kejurulatihan Pidato dalam kalangan Guru Bahasa Melayu di Sekolah Rendah: Satu Tinjauan Umum**

**Mohd. Farik Madun<sup>1</sup>, Musirin Mosin<sup>1</sup>**

<sup>1</sup>Universiti Malaysia Sabah (UMS)

Correspondence: Musirin Mosin (m\_musirin@yahoo.com)

### **Abstrak**

Kertas kajian berbentuk tinjauan umum ini dihasilkan adalah untuk meninjau isu-isu kejurulatihan pidato dalam kalangan guru Bahasa Melayu di sekolah rendah. Penulisan ini menekankan isu dan kelompongan berkaitan pengajaran kemahiran berpidato dalam bidang pendidikan terutamanya di peringkat sekolah rendah. Artikel ini juga menunjukkan dapatan tinjauan umum berkaitan isu-isu pengajaran kemahiran berpidato di dalam dan di luar negara. Tuntasnya, dapatan penulisan ini membuktikan bahawa wujud keperluan membangunkan modul kejurulatihan pidato kepada guru Bahasa Melayu di sekolah rendah hasil daripada penerokaan literatur yang diperoleh. Penulisan ini diharap dapat memberikan sumbangan dalam bidang ilmu dan sorotan literatur kepada pengkaji yang lain.

**Kata kunci:** pidato, kejurulatihan, sekolah rendah, pendidikan Bahasa Melayu.

## **Issues of Public Speaking Coaching among Malay Language Teachers in Primary School: A General Review**

### **Abstract**

The purpose of this general review paper is to review the issues of public speaking coaching among Malay Language teachers in primary school. It highlights the issues and gaps of public speaking instructional in education sector especially in primary school level. This paper presents the general findings of an international review on the issues revolving around public speaking. The global occurrence in public speaking issues, as evinced in this paper, can be seen in various countries. In conclusion, this writing found that there are needs to develop a public speaking coaching module for Malay Language teachers in primary school. This paper seeks to make novel and useful contributions to knowledge and literature review.

**Keywords:** public speaking, coaching, primary school, Malay Language education.

### **Pengenalan**

Kemahiran berpidato merupakan satu daripada kemahiran yang terdapat dalam kemahiran bertutur. Kefasihan bertutur dalam bahasa Melayu akan menjadi teras kepada dasar bahasa. Tumpuan akan

diberikan kepada usaha untuk memastikan murid daripada setiap kaum boleh bertutur dan belajar dengan efektif dalam bahasa kebangsaan (Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), 2014). Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang diimplementasikan secara berperingkat bermula pada tahun 2011 telah disemak semula bagi mencapai polisi baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 agar kurikulum yang dilaksanakan di sekolah rendah berkualiti serta setanding dengan standard antarabangsa (KPM, 2017). Standard Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Rendah digubal agar dapat melahirkan murid berketerampilan dalam berbahasa dan boleh berinteraksi untuk memenuhi keperluan diri, meningkatkan ilmu pengetahuan, kemahiran, berinformasi, nilai dan idea serta hubungan sosial dalam kehidupan harian (KPM, 2017). Satu daripada hasrat kurikulum Bahasa Melayu yakni melahirkan murid yang mahir berkomunikasi iaitu berupaya menyuarakan dan melontarkan fikiran, idea dan maklumat dengan optimis dan kreatif secara lisan mahupun bertulis, menggunakan pelbagai media dan teknologi (KPM, 2017).

## **Sorotan Literatur**

Sorotan literatur dalam penulisan ini merangkumi dua bahagian iaitu konsep asas pidato dan isu kejurulatihan pidato di sekolah.

### **Konsep Asas Pidato**

Pidato ialah kombinasi unik elemen seperti perkataan yang diucapkan oleh pengucap, cara pengucap menuturkannya dan percantuman hubungan istimewa antara pengucap dengan pendengar (Jumali et al., 2014). Demikian juga pidato ditakrifkan sebagai gerak laku mengeluarkan kata-kata, bercakap atau bersyarah di hadapan orang ramai (Jumali et al., 2014). Menurut komentar Roosfa, Rusdi & Zarina (2012), pidato merupakan satu cara berinteraksi secara lisan yang dilakukan dalam situasi yang terancang iaitu penetapan waktu, lokasi dan isu yang hendak disampaikan telah dilakukan. Kamonpan (2010) berpendapat bahawa pidato merupakan satu kemahiran mikro yang perlu bagi komunikasi berkesan baik dalam apa-apa bahasa sekalipun. Bagaimanapun Abdullah & Ainon (2000) menegaskan bahawa komunikasi seperti pidato bertujuan untuk menyampaikan mesej dan maklumat bagi menarik minat dan mempengaruhi audiens.

### **Isu Kejurulatihan Pidato di Sekolah Rendah**

Kewajiban Sudut Pidato disediakan dan dilaksanakan di semua institusi pendidikan merupakan suatu usaha yang murni. Namun demikian, platform yang ada hanya akan menjadi pameran seandainya pelaksana iaitu guru-guru tidak memiliki pengetahuan dan kemahiran untuk membimbing murid berpidato. Benar, hasrat KPM yang mewajibkan setiap sekolah untuk mewujudkan Sudut Pidato bagi memastikan murid dilatih dengan kemahiran pengucapan awam dalam bahasa Melayu adalah amat relevan. Pelaksanaan Sudut Pidato di setiap sekolah sama ada di peringkat sekolah rendah mahupun sekolah menengah termasuklah Pusat Tingkatan Enam membuktikan bahawa KPM serius untuk melahirkan murid yang berupaya berhujah dengan baik sekaligus dapat meningkatkan kemahiran berbahasa, menyatakan pandangan dan pemikiran dalam kalangan murid (KPM, 2018). Usaha murni yang berterusan terserah apabila pewujudan Sudut Pidato di setiap peringkat institusi pendidikan dari pendidikan primer, pendidikan sekunder hingga peringkat pendidikan tertier membuktikan bahawa KPM serius untuk meningkatkan kemahiran berpidato dalam kalangan pelajar.

Sementelahan, pelaksanaan Sudut Pidato di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) sememangnya terkenal pada era 1960-an hingga 1970-an. Setelah pindaan semula Akta Universiti Kolej Universiti 1971 (AUKU) pada Februari 2009, Sudut Pidato di Universiti Awam diperkenal semula. Sesungguhnya, Sudut Pidato berupaya menjadi medan kepada pelajar untuk menyuarakan pendapat secara intelektual, melontarkan idea-idea berasas, meningkatkan keupayaan berhujah secara spontan, meningkatkan keyakinan diri di hadapan khalayak selain mengasah bakat dan potensi berpidato kerana bukan semua pelajar berpeluang menjadi pendebat mahupun pemidato untuk mewakili kolej atau universiti dalam mana-mana pertandingan.

Walau bagaimanapun, guru-guru memerlukan garis panduan dan sumber bahan rujukan seperti modul kejurulatihan pidato kerana bukan semua guru dapat memanfaatkan Sudut Pidato yang disediakan secara optimum sekiranya ilmu kejurulatihan pidato untuk diajarkan kepada murid-murid masih lagi cetek. Apatah lagi, kaedah pengajaran konvensional sahaja kurang berhasil untuk meraih perhatian dan minat murid berpidato sebaliknya memerlukan pendekatan yang lebih komprehensif dan kreatif serta relevan dengan perkembangan semasa. Tambahan pula, tiada modul khas yang dapat dijadikan panduan kejurulatihan aktiviti koakademik bahasa Melayu kepada guru-guru Bahasa Melayu di sekolah menengah mahupun sekolah rendah termasuklah pidato.

## **Perbincangan Kajian**

Lantas, pengkaji mencadangkan keperluan untuk membangunkan modul kejurulatihan pidato. Hal ini dikatakan demikian kerana aktiviti bahasa seperti pidato di sekolah kurang disusun dengan baik sehingga menyebabkan kurang bahan rujukan atau panduan yang dapat dijadikan sumber untuk membimbing aktiviti berpidato di sekolah. Malah, pembangunan modul pidato di sekolah rendah masih lagi pada tahap permulaan (Morreale, Cooper, & Perry, 2000; The Swiss Conference of Cantonal Ministers of Education [EDK], 2010), dan hanya sedikit sahaja bahan pengajaran mahupun intervensi untuk memupuk kemahiran pidato pada peringkat umur pelajar sekolah rendah (Evelin, 2018). Adapun kajian yang mirip kemahiran berhujah di sekolah rendah ialah kemahiran bercerita dan menyampaikan maklumat (Common Core State Standards Initiative, 2010; Pabst-Weinschenk, 2005). Kajian bagi aktiviti bercerita sudah menjadi kebiasaan kepada pelajar sekolah rendah (Schick & Melzi, 2010) dan intervensi bagi aktiviti bercerita sudah lama diwujudkan (Pesco & Gagne, 2015). Sebaliknya, kajian bagi kemahiran menyampaikan hujah dalam kalangan pelajar sekolah rendah adalah masih lagi berkurangan (EDK, 2010). Kemahiran menyampaikan hujah bukan hanya diperlukan dalam subjek bahasa malahan dalam subjek lain seperti Biologi, Geografi mahupun Sejarah. Bukti, dalam aktiviti sumbang saran misalnya, pelajar bukan sahaja perlu menguasai ilmu berkaitan topik yang dibincangkan malahan kemahiran bertutur dan kemahiran berhujah tidak kurang pentingnya (Evelin, 2018).

Di Malaysia, kendatipun pelbagai kursus pidato ditawarkan oleh organisasi luar seperti Kelab Toastmasters Malaysia, Pusat Latihan Penutur Dinamik Malaysia mahupun Institut Debat dan Pidato Malaysia, namun pembelajaran hanya berlaku jika ibu bapa membuat inisiatif untuk menghantar anak mereka ke institusi-institusi berkenaan. Selain memikirkan soal kos biayaan, alangkah baiknya jika semua pelajar di Malaysia dapat meraih ilmu berkaitan kemahiran berpidato menerusi kurikulum yang ditawarkan di sekolah. Tambahan pula, kursus pidato yang ditawarkan di institusi pendidikan adalah bermatlamat untuk membantu pelajar menghubungkaitkan perasaan, pendapat, pemerhatian dan keinginan menerusi ujaran yang tepat dari aspek tatabahasa ke arah mewujudkan komunikasi yang berkesan (Ozbay, 2005; Yalcin, 2002).

Selain itu, guru-guru bahasa juga mengalami kesukaran untuk menyediakan aktiviti mendengar dan bertutur untuk pengajaran kemahiran lisan yang sememangnya memerlukan bahan sokongan tambahan untuk menjayakan PdPc. Jika dibandingkan dengan pengajaran kemahiran membaca dan kemahiran menulis, galakan untuk kemahiran bertutur sering diabaikan dalam pendidikan (EDK, 2010; Wilson, 1997). Guru-guru masih ketinggalan dalam usaha memperkasa kemahiran lisan dalam kalangan pelajar atas faktor seperti integrasi kurikulum yang masih dalam peringkat pembangunan (Maimun, 2015) dan kehadiran guru-guru bahasa yang tidak terlatih (Ahmad, 2005).

Pagcaliwagan (2015) melaporkan bahawa kepentingan bahan bantu belajar seperti modul untuk mengajarkan ilmu dan mengukuhkan pengajaran verbal masih lagi kurang keberadaannya termasuklah aktiviti-aktiviti untuk melatih murid berpidato. Hal yang demikian kerana bahan bantu belajar dalam pengajaran bahasa berperanan sebagai sumber untuk pengajaran kemahiran bahasa, sumber untuk aktiviti latihan berkomunikasi dan sumber bahan rangsangan untuk menjanakan idea murid di dalam bilik darjah (Richards, 2003). Maka benarlah pendidikan bukan setakat berkaitan apa-apa yang disampaikan bahkan soal bagaimana ia disampaikan (Maszlee, 2019).

Walau bagaimanapun, kajian berkaitan pidato pada peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah masih lagi kurang jika dibandingkan dengan kajian pada peringkat institusi pengajian tinggi (Hunt et al., 2014). Majoriti kajian berkaitan keberkesanan intervensi pidato telah membataskan sampel yang berusia 12 tahun dan ke bawah untuk tidak dikaji sebagai limitasi metodologi kajian (De Grez & Valcke, 2010). Malah sesetengah kajian gagal untuk mengklasifikasikan pelajar kepada kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan (Fellenberg, 2008), tidak mempunyai kumpulan kawalan sama sekali (Brann-Barrett, 2005; Gartner, 2011; Thielemann, 2014; Wilson, 1997), atau hanya menggunakan satu instrumen untuk menilai keberkesanan intervensi (Brann-Barrett, 2005) sehingga menyebabkan daptan untuk menilai keberkesanan intervensi berkenaan adalah kurang jitu (Herbein et al., 2018).

Berdasarkan keperluan dan pengabaian terhadap intervensi pidato, terdapat peningkatan kesedaran untuk membangunkan kemahiran berpidato sebagai keperluan asas dalam usaha melahirkan pelajar yang berpendidikan (Van Ginkel, Gulikers, Biemans, & Mulder, 2015) dan usaha ini telah diintegrasikan dalam kurikulum standard pendidikan di beberapa buah negara seperti Jerman (Kultusministerkonferenz, 2005) dan di Amerika Syarikat (Common Core State Standards Initiative, 2010). Malah, kajian-kajian untuk mengajarkan kemahiran berpidato dalam kalangan murid di sekolah rendah amat diperlukan untuk mempelbagaikan intervensi pembelajaran pidato yang lebih berkesan terhadap pelbagai jenis keperluan pelajar yang berbeza (Evelin, 2018). Hal ini bertepatan dengan komentar Maszlee (2019) yang menegaskan bahawa pendidikan sewajarnya menjadi penyelesaikan kepada masalah-masalah yang melanda komuniti.

## Kesimpulan

Oleh itu, guru-guru memerlukan modul atau panduan khusus untuk melatih murid berpidato. Hal ini dikatakan demikian kerana penerapan kemahiran berhujah yang berkualiti sepatutnya dibudayakan semenjak di sekolah rendah lagi. Murid-murid di sekolah rendah sewajarnya diajarkan dengan kemahiran berhujah untuk menyampaikan maklumat tetapi penerapan kemahiran berpidato pada peringkat umur berkenaan sering diabaikan dalam mana-mana kajian dan amalan praktikal (Hunt et al., 2014). Hal yang demikian penting kerana keupayaan berkomunikasi secara kompeten menjadi keperluan utama untuk mencapai kepuasan peribadi, pencapaian akademik dan kejayaan dalam kerjaya profesional (Morreale & Pearson, 2008).

Sesungguhnya, kemahiran berpidato membantu pelajar untuk menzahirkan pendapat dan emosi apabila berhadapan dengan persekitaran di dalam mahupun di luar bilik darjah. Malah, berpidato melatih pelajar untuk membaiki sebutan, intonasi, nada dan ujaran diksi yang tepat (Ucgun, 2007). Temur (2007) menegaskan bahawa keupayaan pelajar untuk menyampaikan ucapan amat perlu untuk mendepani pelbagai situasi yang berbeza dalam kehidupan seharian. Hal ini termasuklah untuk meyakinkan orang lain tentang perasaan, pendapat dan maklumat yang cuba disampaikan dengan yakin sejajar dengan perkembangan kemahiran bertutur pelajar.

## Rujukan

- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (2000). *Seni bercakap-cakap dan berbual-bual*. Kuala Lumpur: PTS Publications and Distributors.
- Ahmad Zabidi, A. R. (2005). *Ciri-ciri sekolah berkesan: implikasinya terhadap pengurusan sekolah agama*. Bentong: PTS Professional Publishing.
- Brann-Barrett, M. T. (2005). Youth speaks up: Perceived communication changes experienced by grade 6 participants in a personal development program. *Alberta Journal of Educational Research*, 51(2).
- Common Core State Standards Initiative. (2010). *Common core state standards for English language arts & literacy in history/social studies, science, and technical subjects*. Washington D.C.
- De Grez, L., & Valcke, M. (2010). *Learning and instruction of oral presentation skills*. New York, NY: Nova Science.

- EDK. (2010). SCHULSPRACHE: Wissenschaftlicher Kurzbericht und Kompetenzmodell: Provisorische Fassung (vor Verabschiedung der Standards). [School language: Scientific short report and competence model.]. Dipetik daripada [http://www.edudoc.ch/static/web/arbeiten/harmos/L1\\_wissB\\_25\\_1\\_10\\_d.pdf](http://www.edudoc.ch/static/web/arbeiten/harmos/L1_wissB_25_1_10_d.pdf).
- Evelin, Jessika, Maike, Ingo, Ulrich. (2018). Putting a speech training program into practice: Its implementation and effects on elementary school children's public speaking skills and levels of speech anxiety: 0361-476X. *Contemporary Educational Psychology Journal*. 55, 176-188.
- Fellenberg, M. (2008). *Practical rhetoric at school: An empirical study on different teaching methods for preparing student presentations*, Vol. 6. Augsburg: Wißner.
- Friedman, L. M., Furberg, C., & DeMets, D. L. (2010). Fundamentals of clinical trials (4th ed.). New York, NY: Springer.
- Gärtner, C. (2011). Die Effektivität eines Rhetoriktrainings: Eine Einzelfallstudie anhand Von Schülergruppen [Effectiveness of a rhetorical training: A case study with groups of students]. (Master-Thesis). Regensburg: Universität Regensburg.
- Herbein, E., Golle, J., Tibus, M., Schiefer, J., Trautwein, U., & Zettler, I. (2018). Fostering elementary school children's public speaking skills: A randomized controlled trial. *Learning and Instruction*, 55, 158-168.
- Hunt, S., Wright, A., & Simonds, C. (2014). Securing the future of communication education: Advancing an advocacy and research agenda for the 21st century. *Communication Education*, 63(4), 449–461.
- Jumali, Khaidzir, Mohd. Helmi, & Shaharuddin. (2014). Pengucapan awam: strategi dan kemahiran. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamonpan Boonkit. (2010). Enhancing the development of speaking skills for non-native speakers of English. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 2, 1305-1309.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Putrajaya: Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). Standard Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Rendah. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). Pelan Hala Tuju Pendidikan Bahasa Melayu. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). Dipetik daripada <http://www.moe.gov.my/muat-turun/pekeliling-dan-garis-panduan/surat-siaran/bahagian-pengurusan-sekolah-harian> pada 10 September 2018.
- Kultusministerkonferenz. (2005). Beschlusse der Kultusministerkonferenz: Bildungsstandards im Fach Deutsch fur den Primabereich (Jahrgangsstufe 4) [Decisions of the Standing Conference of the Ministers of Education and Cultural Affairs of the Länder in the Federal Republic of Germany. Scholastic standards for German for elementary schools (grade 4)]. Munchen.
- Maimun Aqsha Lubis. (2015). Effective implementation of the integrated Islamic education. *Global Journal Al-Thaqafah*, 5(1), 59-68.
- Maszlee. (2019). Amanat tahun baharu: Menteri Pendidikan Malaysia. *Slaid*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Morreale, S. P., Cooper, P., & Perry, C. (2000). Guidelines for developing oral communication curricula in kindergarten through twelfth grade. Annandale, VA: National Communication Association.
- Morreale, S. P., & Pearson, J. C. (2008). Why communication education is important: The centrality of the discipline in the 21st century. *Communication Education*, 57(2), 224–240.
- Ozbay, M. (2005). Vocal concepts and speaking educaiton. *National Education*, 168, 116-125.
- Pabst-Weinschenk, M. (2005). Freies Sprechen in der Grundschule: Grundlagen; Praktische Übungen. [Monologic speaking in primary school: Principles; exercises] Berlin: Cornelsen Scriptor.
- Pagcaliwagan, S. (2015). Assessment of instructional materials in speech and oral communication: basis for curriculum enhancement. *International Advanced Research Journal in Science, Engineering and Technology*, 2(11).
- Pesco, D., & Gagné, A. (2015). Scaffolding narrative skills: A meta-analysis of instruction in early childhood settings. *Early Education and Development*. <http://dx.doi.org/10.1080/10409289.2015.1060800>.

- Richards J. C. (2003). Developing speaking activities. From theory to practice. *Guidelines*, (RELC, Singapore), 28(2), 3-9.
- Roosfa, Rusdi, & Zarina. (2012). Modul komunikasi Bahasa Melayu antarabangsa. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Schick, A., & Melzi, G. (2010). The development of children's oral narratives across contexts. *Early Education & Development*, 21(3), 293–317. <http://dx.doi.org/10.1080/10409281003680578>
- Temur, T. (2007). "New Teaching Turkish Programmes", Editor: Ahmet Akkilic, Hayati Akyol, *Teaching Turkish in Primary School*, Pegema Printing, pp.195–231.
- Thielemann, S. (2014). Kompetenzbereich Sprechen und Zuhören - Konzept für das Vortragen in der Schule [Competence area speaking and listening - Concept For presenting at school]. *DGSS @ktuell*, (1), 9–15.
- Ucgun, D. (2007). Factors affecting speaking education. *Erciyes University Institute of Social Sciences Magazine*, (22). 59-69.
- Van Ginkel, S., Gulikers, J., Biemans, H., & Mulder, M. (2015). Towards a set of design principles for developing oral presentation competence: A synthesis of research in higher education. *Educational Research Review*, 14, 62-80.
- Wilson, J. A. (1997). A program to develop the listening and speaking skills of children in a first grade classroom. University of Virginia.
- Yalcin, A. (2002). Methods of teaching Turkish: New approaches. Ankara: Akcag Printing.